

# Kejohanan Karate UMS-Sprint tarik penyertaan 13 pasukan

UB 29.11.2017 A12

KOTA KINABALU: Pelajar Kokurikulum Kursus Karate-do dengan kerjasama Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS buat julung kalinya berjaya menganjurkan Kejohanan Karate Bawah 12 Tahun Jemputan Universiti Malaysia Sabah.

Kejohanan yang berlangsung pada 25 November disertai oleh 150 orang pelajar dari 13 pasukan karate dari daerah Sandakan dan Kota Kinabalu.

Menurut pengarah kejohanan Levindran A/L Ilengo yang merupakan pelajar semester 1 di UMS, matlamat penganjuran ini adalah untuk memberi peluang kepada peserta yang berusia 7 hingga 12 tahun untuk mengasah bakat mereka.

Kejohanan yang berlangsung selama sehari ini mempertandingkan 16 kategori yang merangkumi acara Kata dan Kumite.

Pasukan Extreme Martial Art Shotokan Karate (EMASK) berjaya mengatasi 12 pasukan lain



**SEBAHAGIAN** pasukan yang menyertai Kejohanan Karate Bawah 12 Tahun Jemputan UMS merakamkan kenangan.

dengan mengutip 5 emas, 5 perak dan 5 gangsa.

Manakala pasukan Shitokai Sabah berada di

tempat kedua dengan 4e, 5p, 7g, Kelab Karate Ibu

Pejabat Polis Kontinen (IPK) Sabah di tempat ketiga dengan 4e dan 3g.

Kedudukan tempat

keempat dan seterusnya adalah seperti berikut; Pasukan Shotoshinkai UMS (1e,2p), Kobe Osaka Sabah (1e,1p,4g), KSKA Sandakan (1e,2p), SK Sri Gaya (1p,1g), Akademi al-Quran Imtiyaz Kinarut (1p), KOI Sandakan (1p), KSKA Sabah Karate Team (4g), Persatuan Shotokan Karate Sabah (2g), Shotoshinkai Sandakan (2g), dan Shotoshinkai Likas (1g).

Sementara itu, menurut Jurulatih Kokurikulum Karate-Do UMS Alnadine Barri, kejohanan karate ini merupakan projek UMS-Sprint bagi pelajar-pelajar semester ini.

"Syabas dan tahniah saya ucapan kepada pelajar kokurikulum karate-do semester 1 sesi 2017/2018 kerana telah menganjurkan kejohanan ini dengan jayanya.

Katanya, segala apa yang berlaku merupakan satu proses pembelajaran kepada mereka dari segi pembentukan kemahiran insaniah dan berguna kepada mereka apabila tamat pengajian nanti.